

SYARAT-SYARAT UMUM

- ✓ Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- ✓ Ibu atau bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau Surat Akuan Bermastautin.
- ✓ Ibu atau bapa mestilah mendaftar sebagai pemilih / pengundi di Negeri Terengganu.
- ✓ Berumur tidak melebihi 25 tahun semasa memohon dan bujang/belum berkahwin.
- ✓ Keutamaan kepada pemohon dari kalangan berpendapatan rendah (B40).

SKIM PINJAMAN BOLEH UBAH YAYASAN TERENGGANU BAGI PELAJAR LEPASAN SPM/STPM/STAM

**PROGRAM : PINJAMAN BOLEH UBAH PERINGKAT IJAZAH SARJANA
MUDA PENGAJIAN ISLAM**

**PUSAT PENGAJIAN: PENGAJIAN ISLAM DI KULIAH DAKWAH ISLAMIAH,
TRIPOLI, LIBYA**

Syarat Kelayakan:

- ✓ Memenuhi syarat-syarat umum.
- ✓ Mendapat Gred A (A+, A atau A-) bagi Peperiksaan SPM tahun semasa sekurang- kurangnya **empat (4) mata pelajaran** sebagaimana berikut :
 - a) Bahasa Melayu
 - b) Bahasa Arab atau Turath Bahasa Arab atau Lughah Arabiah Muaasorah,
 - c) Mana-mana **dua (2) subjek** lain

Dan

- c) Lulus Peperiksaan STAM/STPM atau setaraf dengan memperoleh Keputusan **Jayyid/PNGK 3.00** ke atas dan memenuhi syarat Peperiksaan SPM yang ditetapkan.

PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi

ytpenajaan.terengganu.gov.my

Borang permohonan mesti dilengkapi dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kuota, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.